

'Sabah Songs' buku muzik pertama dihasil di SABAH

UB 21-12-2012 B16


Oleh YAP SIONG HAN
sionghan_yap@yahoo.com

SABAH Songs: Contemporary Music in Sabah adalah buku pertama dihasilkan untuk menceritakan muzik di Sabah.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun berkata buku yang diterbitkan itu diharap sedikit sebanyak memberikan pembelaan secara simbolik kepada semua pemuzik di Sabah yang dedikasi dan melahirkan pelbagai karya seni yang berkualiti.

"Saya mengucapkan tahniah kepada penulis dan penerbit kerana berani menghasilkan buku sedemikian yang sememangnya susah untuk mendapatkan keuntungan daripada penjualannya.

"Buku ini ditulis kerana sayangnya penulis kepada pemuzik dan muzik di Sabah. Umum mengetahui bahawa pemuzik Sabah bukannya mempunyai pendapatan yang tinggi tetapi mereka masih bertahan kerana kesanggupan mereka dan sayang terhadap bidang muzik," katanya kepada pemberita



MASIDI (kiri) dan Joanna (dua kiri) sedang membaca buku yang dilancarkan.

selepas menyempurnakan pelancaran buku Sabah Songs: Contemporary Music in Sabah di sini kelmarin.

Beliau berkata, kesanggupan sedemikianlah yang menjadikan pemuzik di Sabah itu istimewa dan lebih

kreatif dalam menghasilkan karya mereka.

Katanya, masyarakat juga harus belajar untuk menyaksikan persembahan artis tempatan kerana dengan itu sahaja dapat membantu mereka

walaupun dengan sokongan kewangan yang sedikit.

Sementara itu, Penulis buku Sabah Songs, Joanna Funk berkata seramai 36 orang telah ditemuramah dalam penghasilan buku ini yang rata-ratanya bekerja

dalam bidang muzik pelbagai genre seperti blues, jazz, metal, western, muzik klasik Cina, rock dan pop.

Buku itu telah diterbitkan oleh Opus Publications dan sejumlah 1,000 buah buku telah diterbitkan.